



## Penipuan melalui telefon catat kerugian RM22.3 juta

**Penipuan** melalui telefon dan skim taruhan wang adalah antara kes tertinggi diterima Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun lalu dengan jumlah kerugian dilaporkan berjumlah RM22.3 juta.

Berdasarkan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran BNM 2017, penipuan melalui telefon lazimnya membabitkan orang menyamar sebagai pegawai bank atau Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang meminta mangsa memindahkan wang atau berdepan risiko disenarai hitam jika tidak berbuat apa yang disuruh.

"Mangsa dihubungi pada hari tidak bekerja agar panggilan tidak boleh disahkan, dan diperdaya untuk membuka akaun perbankan internet menggunakan maklumat akaun tertentu bagi memindahkan dana ke dalam akaun penipu," katanya.

Menurut bank pusat itu, dalam kes skim taruhan wang pula, penipu selalunya menyamar sebagai syarikat perdagangan mata wang yang menawarkan pulangan bulanan setinggi 20 peratus.

"Pakej pelaburan dengan harga serendah AS\$50 ditawarkan untuk menggalakkan pelabur daripada pelbagai kumpulan pendapatan untuk menyertai skim itu.

"Lazimnya, pelabur akan menerima pulangan untuk beberapa bulan sebelum mereka diberitahu bahawa laman sesawang pengendali skim itu telah digodam dan semua wang pelaburan telah lesap," katanya.

Laporan BNM menambah, memandangkan terdapat perkembangan pesat modus operandi pelbagai penipuan dan jenayah kewangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kesedaran orang ramai mengenai langkah perlindungan terus menjadi perkara utama.

"Antara langkah yang diambil adalah menyediakan senarai Peringatan kepada Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alert, FCA) yang diwujudkan pada 2012 untuk memberi peringatan mengenai syarikat dan laman sesawang yang tidak dibenarkan atau tidak diluluskan untuk menjalankan aktiviti kewangan," katanya.

Pada 2017, senarai FCA menerima lebih 250,000 kunjungan di laman sesawang, iaitu peningkatan empat kali berbanding tahun pertama penerbitannya di laman BNM.

Kesedaran orang ramai yang lebih tinggi ini adalah perkembangan yang amat baik dan penting memandangkan bilangan entiti yang disenaraikan dalam FCA itu semakin bertambah (2017: 409 entiti; 2016: 277 entiti).



Dalam kes skim taruhan wang pula, penipu selalunya menyamar sebagai syarikat perdagangan mata wang yang menawarkan pulangan bulanan setinggi 20 peratus"

**Laporan BNM**